

# Kompleks dijangka siap awal 2016

**NILAI** - Kompleks Kolej Permata Insan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) dijangka siap sepenuhnya Januari tahun depan.

Pengarah Kolej Permata Insan, Dr Nik Salida Suhaila Nik Saleh berkata, projek melibatkan kos RM68 juta itu kini sudah siap 73 peratus.

"Pembinaannya melibatkan dua fasa, pembangunan projek fasa 1 meliputi asrama lelaki, blok informasi digital dan kemudahan pelajar telah

selesai pada 12 Januari lalu dengan kos RM21 juta.

"Kemudahan itu kini telah pun digunakan kumpulan pertama pelajar kolej iaitu 50 orang. Manakala, pembangunan Fasa 2 yang sedang berjalan merangkumi blok pentadbiran, asrama perempuan, blok pembelajaran dan pengajaran (P&P), dewan serbaguna, Pusat Al-Abrar dan dewan makan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya kini sedang menunggu ke-

lulusan permohonan daripada Kementerian Pendidikan untuk menjadikan kolej ini sebagai Institusi Pendidikan Bantuan Kerajaan (IPBK).

Menurutnya, ia merupakan prosedur yang perlu dipatuhi dan sebaik sahaja diluluskan, kolej terbabit akan memohon pula status sebagai Sekolah Berasrama Penuh (SBP) seperti mana Sekolah Permata Pintar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)," katanya di sini.